


Kuala Lumpur: Seramai 32 pekerja pembinaan ditahan dan tapak operasi diarahkan tutup dalam Operasi Bersepadu Tapak Pembinaan Siri 16/2023 di Jalan Kiara, Bukit Kiara di sini, Khamis lalu.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) berkata, operasi itu dijalankan dengan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB), Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam (SWCorp) dan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia (Dosh).

Menurutnya, menerusi operasi bersepadu kali ini, pemeriksaan dan tindakan pengkuatkuasaan dijalankan mengikut bidang kua-sa dan peruntukan undang-undang masing-masing di kawasan tapak pembinaan secara menyeluruh di bahagian dalam dan luar pembinaan bagi menentukan tahap keber-



PEKERJA pembinaan yang ditahan serta tapak operasi yang diarahkan tutup di Jalan Kiara.



32 pekerja pembinaan ditahan, tapak operasi diarah tutup!

sihan, laluan, struktur pembinaan, keselamatan dan permit kebenaran serta memastikan segala peraturan di tempat pembinaan sentiasa dipatuhi oleh kontraktor dan pemilik syarikat.

"Seramai 32 pekerja pembinaan ditahan bagi pemeriksaan secara menyeluruh dokumentasi

perjalanan dan permit kerja yang berkaitan."

"Pemeriksaan membabitkan 24 warga Bangladesh, tujuh warga Indonesia dan seorang warga India oleh pihak JIM dan PDRM," katanya dalam ke-

nyataan di Facebooknya.

DBKL berkata, pihaknya turut mengeluarkan tiga notis kompaun di dalam

kawasan pembinaan membabitkan dua notis mengikut Seksyen 70 Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 berkaitan kesalahan menjalankan kerja tanah tanpa kebenaran pihak berkuasa tempatan dan satu notis mengikut Seksyen 69 Akta Kerajaan Tempatan 1976 berkaitan kacau ganggu dari tapak pem-

binaan ke saluran / laluan sungai awam.

"DBKL turut membuat tindakan penutupan dan pemberhentian operasi di tapak pembinaan serta merta (*sealed*) mengikut Seksyen 70 Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974.

"Sementara daripada pi-hak agensi sahabat, dua Notis Larangan (Berhen-

tikan Kerja Kerja Merta) dan enam Notis Arahan Pematuhan Keselamatan (Kren Bergerak, Perancah, Acuan dan Penyangga) di-keluarkan oleh Dosh kepada pemilik/pengendali di tapak pembinaan melalui Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 dan kesalahan am yang dikuatkuasakan agensi berkenaan.

"Bagi pihak CIDB pula telah mengeluarkan satu Notis Pengemukaan Mak-lumat Mengenai Industri Pembinaan (Notis N2/2015) kepada pihak kontraktor utama pembinaan dalam tempoh tujuh hari dan pihak SWCorp mengeluarkan satu Notis Peraturan (Tidak Menga-sing Sisa Bahan Binaan) mengikut Peraturan Pe-nge-rus-an Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam (Ke-mudahan Pengurusan Sisa Pepejal Yang Ditetapkan Dan Kelulusan Bagi Pem-binaan, Pengubahan Dan Penutupan Kemudahan) 2011," katanya.